



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

## SIARAN MEDIA

### PERMOHONAN KEMASUKAN KE PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA POLITEKNIK BAGI SESI AKADEMIK I 2026/2027 KINI DIBUKA

**PUTRAJAYA, 3 Jun 2026** - Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) ingin memaklumkan bahawa permohonan kemasukan ke program Ijazah Sarjana Muda Politeknik bagi Sesi Akademik I 2026/2027 kini dibuka. Permohonan boleh dibuat mulai **3 Jun 2026, Rabu sehingga 3 Julai 2026, Jumaat**. Permohonan boleh dibuat melalui pautan <http://ambilan.mypolycc.edu.my> dan pembelian nombor PIN adalah tidak diperlukan.

Pelawaan ini adalah bagi penawaran **12 program ijazah sarjana muda** bagi sesi Akademik I 2026/2027 iaitu Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Rangkaian Bekalan) dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Marin dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Senibina dengan Kepujian di Politeknik Ungku Omar (PUO), Perak.

Sementara itu, bagi program pengajian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Rekabentuk Automotif) dengan Kepujian ditawarkan di Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Perak, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik Perubatan dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti dengan Kepujian di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor, manakala Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Media Baharu dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti dengan Kepujian ditawarkan di Politeknik Ibrahim Sultan, Johor.

Pelawaan tawaran ini terbuka kepada lepasan **Diploma/Diploma Lanjutan Politeknik**. Dalam pada itu, pelajar semester akhir Diploma Politeknik (Sesi II: 2025/2026 tamat latihan industri) juga layak memohon.

**Melalui agenda peluasan akses Pelan Hala Tuju Transformasi Politeknik 2023-2035, Jabatan ini turut mempelawa calon-calon daripada lepasan berikut untuk membuat permohonan iaitu** lepasan **Diploma Kolej Komuniti** termasuk pelajar semester akhir Diploma Kolej Komuniti (Sesi II: 2025/2026 tamat latihan industri) juga layak memohon.

Pelawaan turut dibuka kepada mereka daripada lepasan program **Asasi TVET Politeknik**, lepasan program **Asasi Sains/ Sains Fizikal/ Kejuruteraan** daripada Universiti Awam, lepasan **Kolej Matrikulasi KPM jurusan Sains/ Kejuruteraan**, lepasan **Diploma Kejuruteraan/ Teknologi Kejuruteraan/ Teknologi** daripada IPTA/ IPTS, lepasan **Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) / Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)** serta pemilik **Sijil Apel.A T-6**

Berikut adalah tarikh-tarikh penting berkaitan kemasukan dan pendaftaran pelajar program ijazah sarjana muda:

- I. **Tarikh semakan temuduga** : **14 Julai 2026**
- II. **Tarikh sesi temuduga** : **20 – 25 Julai 2026**
- III. **Tarikh hebahan tawaran** : **21 Ogos 2026**
- IV. **Tarikh pendaftaran pelajar** : **21 September 2026**

Untuk sebarang maklumat lanjut berkenaan senarai program, kaedah permohonan dan syarat kelayakan, pemohon boleh melayari pautan <http://ambilan.mypolycc.edu.my>. Sebarang pertanyaan, sila hubungi di alamat berikut:-

**BAHAGIAN AMBILAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR,  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI,  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI,  
ARAS 6, GALERIA PJH, JALAN P4W, PERSIARAN PERDANA,  
62100 PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.**

**No. Tel** : 03-88883837  
**No. Whatsapp** : 03-88885625  
**Emel** : [jppkk.ambilan@mohe.gov.my](mailto:jppkk.ambilan@mohe.gov.my)  
**Facebook** : polycc Edu  
**Instagram** : polycc.edu\_

**-TAMAT-**

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
3 Jun 2026**